

**SOALAN LAZIM**  
**CABUTAN WOW! SIMPAN SSPN PLUS 2026**

1. **Soalan:**  
Apakah **Cabutan WOW! Simpan SSPN Plus 2026**?

**Jawapan:**

**Kempen Cabutan WOW! Simpan SSPN Plus 2026** adalah Kempen yang dianjurkan oleh PTPTN. Kempen ini merupakan suatu inisiatif istimewa yang dikhususkan kepada pendeposit Simpan SSPN Plus. Kempen ini menawarkan pelbagai kategori cabutan dengan hadiah lumayan berjumlah keseluruhan hampir **RM1 juta**, untuk dimenangi oleh **424 orang pemenang**. Terdapat empat (4) cabutan untuk disertai oleh semua pendeposit Simpan SSPN Plus:-

- a) Cabutan WOW! Plus Siri 1
- b) Cabutan WOW! Plus Siri 2
- c) Cabutan WOW! Plus Siri 3
- d) Cabutan WOW! Plus *Loyalty* 2026

2. **Soalan:**  
Bilakah tempoh kempen **Cabutan WOW! Simpan SSPN Plus 2026** bermula?

**Jawapan:**

Tempoh kempen adalah seperti berikut:-

| Kategori                              | Cabutan          | Tempoh Kempen                  |
|---------------------------------------|------------------|--------------------------------|
| Cabutan WOW! Plus Siri                | WOW! Plus Siri 1 | 1 Januari – 30 April 2026      |
|                                       | WOW! Plus Siri 2 | 1 Mei – 31 Ogos 2026           |
|                                       | WOW! Plus Siri 3 | 1 September – 31 Disember 2026 |
| Cabutan WOW! Plus <i>Loyalty</i> 2026 |                  | 1 Januari – 31 Disember 2026   |

3. **Soalan:**  
Apakah syarat-syarat untuk menyertai kempen **Cabutan WOW! Simpan SSPN Plus 2026**?

**Jawapan:**

Syarat-syarat untuk menyertai promosi ini adalah seperti berikut:

| Cabutan                | Kelayakan                                                                                                                                |
|------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Cabutan WOW! Plus Siri | Terbuka kepada pendeposit Simpan SSPN Plus baharu dan sedia ada yang membuka akaun atau membuat penambahan simpanan dalam tempoh Kempen. |

|                                   |                                                                                                                                                                             |
|-----------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Cabutan WOW! Plus<br>Loyalty 2026 | Terbuka kepada pendeposit sedia ada <b>Simpan SSPN Plus yang membuka akaun</b> sehingga <b>31 Disember 2025</b> dan <b>membuat penambahan simpanan</b> dalam tempoh Kempen. |
|-----------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

i. Kempen ini **TIDAK LAYAK** disertai oleh kakitangan PTPTN dan ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak);

ii. **Kelayakan Bilangan Cabutan**

| Cabutan                        | Simpanan Bersih              | Bilangan Cabutan                                                                        |                                                                          |
|--------------------------------|------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------|
|                                |                              | Transaksi Berjaya Melalui Platform Selain myPTPTN/ Potongan Gaji (PG)/ Debit Terus (DD) | Transaksi Berjaya Melalui myPTPTN / Potongan Gaji (PG)/ Debit Terus (DD) |
| Cabutan WOW! Plus Siri         | RM50<br>(simpanan + takaful) | 5 cabutan                                                                               | 10 cabutan                                                               |
| Cabutan WOW! Plus Loyalty 2026 |                              | 5 cabutan                                                                               | 10 cabutan                                                               |

iii. Tiada had untuk bilangan cabutan;

iv. Pendeposit digalakkan untuk melakukan **transaksi melalui myPTPTN/ Potongan Gaji (PG)/ Debit Terus (DD)** untuk mendapatkan ganjaran **cabutan berganda**; dan

v. Pendeposit hendaklah **memastikan akaun Simpan SSPN Plus kekal aktif dan tiada tunggakan**.

4. **Soalan:**

Adakah permohonan perlu dibuat untuk melayakkan pendeposit menyertai **Cabutan WOW! Simpan SSPN Plus 2026**?

**Jawapan:**

Tidak perlu kerana kelayakan **Cabutan WOW! Simpan SSPN Plus 2026** ini adalah automatik bagi pendeposit yang layak.

5. **Soalan:**

Bagaimanakah pendeposit boleh membuka akaun/ menambah simpanan **Simpan SSPN Plus**?

**Jawapan:**

Akaun **Simpan SSPN Plus** boleh dibuka/ ditambah melalui myPTPTN <https://www.ptptn.gov.my/myptptn/>, di kaunter cawangan PTPTN, atau melalui ejen-ejen sah yang telah dilantik.

**6. Soalan:**

Sekiranya pendeposit membuat **penambahan simpanan** melalui **myPTPTN/ Potongan Gaji (PG)/ Debit Terus (DD)** dan pada masa yang sama juga membuat penambahan simpanan melalui **platform selain myPTPTN/ Potongan Gaji (PG)/ Debit Terus (DD)** serta **melakukan pengeluaran semasa tempoh kempen**, bagaimanakah kiraan jumlah simpanan bersih ditentukan?

**Jawapan:**

Berdasarkan situasi di atas, sekiranya pendeposit membuat pengeluaran semasa tempoh kempen, jumlah pengeluaran akan ditolak daripada simpanan yang dibuat melalui platform **myPTPTN/ Potongan Gaji (PG)/ Debit Terus (DD)** terlebih dahulu bagi mendapatkan jumlah simpanan bersih seterusnya menentukan jumlah kiraan bilangan cabutan yang layak.

**7. Soalan:**

Jika akaun Simpan SSPN Plus pendeposit **TIDAK AKTIF** dan mempunyai nilai tertunggak bagi akaun Simpan SSPN Plus, adakah pendeposit tersebut masih layak untuk menyertai cabutan?

**Jawapan:**

**TIDAK LAYAK.** Pendeposit perlu memastikan akaun Simpan SSPN Plus kekal aktif dan tiada nilai tunggakan.

**8. Soalan:**

Apakah hadiah yang ditawarkan untuk promosi ini?

**Jawapan:**

Pemenang kempen akan memenangi hadiah seperti berikut:

**Hadiah Cabutan WOW! Plus Siri**

| Pemenang        | Hadiah                               |
|-----------------|--------------------------------------|
| <b>Utama</b>    | Tunai bernilai RM20,000 x 1 pemenang |
| <b>Kedua</b>    | Tunai bernilai RM15,000 x 2 pemenang |
| <b>Ketiga</b>   | Tunai bernilai RM10,000 x 3 pemenang |
| <b>Saguhati</b> | Tunai bernilai RM500 x 50 pemenang   |

**Hadiah Cabutan WOW! Plus Loyalty 2026**

| Pemenang        | Hadiah                                          |
|-----------------|-------------------------------------------------|
| <b>Utama</b>    | Kereta Honda CR-V 1.5L x 1 pemenang             |
| <b>Kedua</b>    | Kereta Perodua Ativa 1.0L Turbo AV x 2 pemenang |
| <b>Ketiga</b>   | Tunai bernilai RM30,000 x 3 pemenang            |
| <b>Saguhati</b> | Tunai bernilai RM1,000 x 250 pemenang           |

**9. Soalan:**

Bilakah tarikh cabutan?

**Jawapan:**

Secara tentatifnya, tarikh cabutan adalah 20 hari selepas tamat tempoh setiap cabutan. Walau bagaimanapun, tarikh ini mungkin akan berubah mengikut keperluan dan keadaan semasa.

**10. Soalan:**

Bagaimanakah makluman kepada pemenang **Cabutan WOW! Simpan SSPN Plus 2026** akan dibuat?

**Jawapan:**

Pemenang akan dimaklumkan melalui surat/ emel/ panggilan telefon/ hebahan di laman web rasmi PTPTN atau kaedah penyampaian lain yang bersesuaian.

**11. Soalan:**

Bilakah hadiah tunai akan dikreditkan kepada pemenang?

**Jawapan:**

Hadiah berupa ganjaran tunai yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun Simpan SSPN Prime di dalam tempoh DUA (2) BULAN dari tarikh pengumuman pemenang. Pelarasan hadiah tunai akan dikreditkan ke dalam akaun Simpan SSPN Prime pendeposit yang dibuka untuk diri sendiri. Jika pemenang tidak mempunyai akaun tersebut, PTPTN berhak untuk membuka akaun Simpan SSPN Prime berdasarkan kepada butiran sedia ada pendeposit di akaun Simpan SSPN Prime atau Simpan SSPN Plus..

Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat penuh kempen **Cabutan WOW! Simpan SSPN Plus 2026**.

*Maklumat dikemaskini pada 28 Januari 2026*